

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[TITIWANGSA ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Johari Bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Skim Jejak Jaya Bumiputera atau SJJJ di bawah kendalian TERAJU diwujudkan sebagai inisiatif Kerajaan bagi membantu syarikat-syarikat Bumiputera yang berkelayakan untuk disenaraikan ke Bursa Malaysia. Berapakah jumlah syarikat yang telah berjaya disenaraikan ke Bursa Malaysia di bawah skim ini sejak skim ini diperkenalkan. Dan dalam industri apakah syarikat-syarikat ini beroperasi.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Skim Jejak Jaya Bumiputera atau SJJB telah ditubuhkan pada tahun 2007 bertujuan untuk memberi sokongan 'peringkat akhir' kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang ingin disenaraikan di Bursa Malaysia. Objektif utama program ini adalah untuk mencapai sasaran 30% pemilikan ekuiti korporat Bumiputera menjelang tahun 2020.

Pada September 2013, di Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) diberi mandat untuk membantu mentransformasi SJJB dan meningkatkan lagi bilangan serta modal pasaran syarikat tersenarai awam Bumiputera (PLC) di Bursa Malaysia di bawah strategi memantapkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera.

Sejurus selepas pengumuman tersebut, satu kajian berkenaan keberkesanan program SJJB sedia ada telah dilaksanakan dan cadangan kerangka baru serta pelan pelaksanaannya telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB). Seterusnya, Ekuinas dan Teraju telah memuktamadkan rangka kerja operasi terperinci untuk memastikan pelaksanaan program SJJB yang berkesan dan efektif. Rangka baru SJJB ini menyaksikan Ekuinas dan Teraju bekerjasama dalam memainkan peranan mentransformasi program ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak penubuhannya sehingga kini, SJJB berjaya membantu lapan (8) buah syarikat Bumiputera disenaraikan di Bursa Malaysia yang terlibat dalam pelbagai industri seperti minyak & gas (O&G), Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT), telekomunikasi, pendidikan, kejuruteraan alam sekitar, dan bioteknologi. Syarikat-syarikat tersebut adalah:

1. Handal Resources Berhad
2. Theta Edge Berhad
3. Cypark Resources Berhad
4. Malaysian Genomics Resource Centre Berhad
5. Century Software Holdings Berhad
6. Prestariang Berhad
7. Datasonic Group Berhad
8. Barakah Offshore Petroleum Berhad

Bagi kesemua syarikat SJJB tersebut, gabungan jumlah pasaran modal atau dengan izin, *combined market capitalisation* pada masa syarikat-syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia adalah sebanyak RM1.38 bilion. Sehingga 30 Jun 2014, sukacita dilaporkan bahawa jumlah pasaran modal bagi kesemua syarikat tersebut telah meningkat kepada RM5.4 bilion.

Sekian, terima kasih.